

Kuktem dapat rektor baru

KUANTAN: Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) kini menerima Rektor Kuktem yang baru, Profesor Dr Mohamed Said Mat Lela yang memulakan perkhidmatannya berkuat kuasa 16 Januari lalu.

Profesor Dr Mohamed dilantik menggantikan Profesor Datuk Dr Abu Azam Md Yassin yang tamat perkhidmatannya sebagai Rektor Kuktem pada 31 Disember lalu.

Pegawai Perhubungan Korporat Kuktem, Arman A Rahim, berkata Dr Mohamed berasal dari Mentakab, Pahang yang sebelum ini berkhidmat sebagai penyarah kanan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Katanya, bidang kepakaran Dr Mohamed adalah ukur tanah sistem maklumat geografi serta fotogrametri dan kartografi.

"Pengalaman beliau selama 32 tahun dalam bidang pendidikan iaitu mendidik, memotivasi dan membangun kepimpinan mahasiswa dalam akademik, dan sahsiah dan rohani.

"Selain itu, lebih 10 tahun sebagai pengetua Kolej Kediaman di UTM, dan terbabit dalam pentadbiran asrama, menjaga kebajikan pelajar dan melahirkan insan serba boleh dalam akademik dan bukan akademik," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Arman berkata, Kuktem adalah sebuah daripada 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.

Katanya, Kuktem diwartakan pada Februari 2002 dan memulakan pengambilan pelajar pertamanya pada Jun 2002.